

RESEARCH ARTICLE

Naskhah peraturan adat istiadat Raja-Raja Negeri Pahang [P.A.P. 100006732]: Kepentingannya terhadap persuratan rasmi Kesultanan Pahang

(The manuscript on the ceremonial rules of The Rulers of The State of Pahang [P.A.P. 100006732]: Its significance to the official literature of the Sultanate of Pahang)

Wan Helmy Zain

Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia

Abstrak – Kajian awal ini membuka ruang penelitian yang lebih mendalam terhadap latar belakang ketamadunan, sejarah dan politik Kesultanan Pahang sejak pengasasannya 555 tahun lalu iaitu pada tahun 1470. Kajian ini mencerakin, meneroka dan menelaah kepentingan ‘Peraturan Adat Istiadat Raja-Raja Negeri Pahang’ iaitu sebuah naskhah diraja yang unik kepada Kesultanan Pahang, dikarang pada tahun 1970 menggunakan tulisan Jawi dan Rumi dan diterbitkan oleh Pejabat Adat Istiadat Negeri Pahang pada tahun 1971 atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-32. Manuskrip berkenaan kini berada dalam simpanan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (P.A.P.) dengan rujukan P.A.P. 100006732 sejak tahun 2004 dan belum pernah dikaji dalam konteks kedudukan undang-undang adat di sisi Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang. Melalui penelitian mendalam secara kualitatif yang menggabungkan analisis kandungan, reka bentuk interpretif dan wawancara, kepentingan naskhah ini dari sudut budaya, tamadun dan undang-undang terhadap kemandirian dan kemampunan Kesultanan Pahang dapat dijustifikasikan secara pentadbirannya. Sebagai percubaan pertama seumpamanya sehingga kini, kajian ini berjaya menampilkan kejituan P.A.P. 100006732 sebagai sumber rujukan dalam memahami keperluan persuratan rasmi adat istiadat diraja Kesultanan Pahang.

Abstract - This preliminary provides in-depth investigation into the civilisational, historical and political background of the Sultanate of Pahang which was established 556 years ago in 1470. It analyses, explores and reviews the significance of ‘Peraturan Adat Istiadat Raja-Raja Negeri Pahang’ (literally ‘The Ceremonial Regulations for the Rulers of the State of Pahang’), a unique royal document in relation to the Sultanate of Pahang, written in Malay using Arabic and Romanised scripts in 1970 and published by ‘Pejabat Adat Istiadat Negeri Pahang’ (literally ‘Office of Ceremonial Custom of the State of Pahang’) in 1971 by the command of His Royal Highness The Late Sultan Abu Bakar Ri’ayatuddin Al-Mu’adzam Shah, the 32nd Ruler of the State of Pahang. The manuscript, which is currently placed under the custody of Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (P.A.P. – Pahang Public Library Corporation) as P.A.P. 100006732 since 2004 has never been academically analysed in the context of the position of customary law in the Federal Constitution and the Laws of The Constitution of Pahang. Through thorough qualitative investigation that combines content analysis, interpretive design and interview, the cultural, civilizational and legal importance of this document to the survival and sustainability of the Sultanate of Pahang is administratively justified. As the first attempt of its kind to date, the study successfully establishes P.A.P. 100006732 as a vital source of reference in understanding the necessity of official documentation of royal ceremonial custom of the Sultanate of Pahang.

Article History

Received : 19 February 2026

Revised : 7 March 2026

Accepted : 12 April 2026

Published : 30 April 2026

Kata Kunci

Kajian budaya

Tamadun

Undang-undang

Keywords

Cultural Studies

Civilization

Law

Pengenalan

Berbanding dengan kefahaman awam mengenai historiografi Kesultanan Pahang selama ini yang dianggap bermula pada 6 Ogos 1882 apabila Bendahara Siwa Raja Wan Ahmad ibni Almarhum Bendahara Siwa Raja Tun Ali memasyhurkan dirinya sebagai Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang bertakhta sejak 11 Januari 2019 dengan persertaan Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang telah memperkenalkan Salasilah Raja-Raja Pemerintah Pahang yang baharu pada tahun 2024 hasil penyelidikan Perbadanan Muzium Negeri Pahang, sekali gus meletakkan Paduka Baginda sebagai Raja Pemerintah Pahang Ke-34 dengan berpuncakan Maharaja Dewa Sura sebelum Sultan Muhammad Shah ibni Sultan Mansur Syah dari Melaka dirajakan di negeri ini pada tahun 1470. Perkembangan ini merupakan satu naratif historiografi baharu bagi negeri Pahang berpaksikan Kesultanan Melayu Islam yang berusia 555 tahun yang berkait langsung dengan Kesultanan Melaka, lantas mewajarkan satu penelitian tersendiri mengenai warisan adat istiadat diraja negeri ini dengan mengambil kira enam era Raja-Raja Pemerintahnya iaitu PraMelaka (sebelum tahun 1450), Melaka (1450-1470), Pahang Tua (1470-1614), Johor Lama (1614-1719), Siak (1719-1722) dan Bendahara (1722-kini) sama ada secara lisan atau bertulis demi mewujudkan identiti tersendiri bagi adat istiadat diraja Pahang (Hayati Adnan et al, 2024:119). Walaupun terdapat beberapa nas mengenai adat

istiadat diraja Pahang yang bersumberkan warisan Kesultanan Melaka dan Kesultanan Johor-Pahang-Riau-Lingga, namun naskah Peraturan Adat Istiadat Raja-Raja Negeri Pahang terbitan tahun 1971 yang diusahakan oleh Haji Mohd Mokhtar bin Haji Daud selaku Pengerusi, Datuk Panglima Dalam Abu Bakar bin Mohd Taib (Ahli) dan Haji Mohd Ali bin Mohd (Setiausaha) di bawah seliaan Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara, Tengku Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (Yang Dipertua Majlis Adat Istiadat Pahang) merupakan rujukan bertulis paling kontemporari mengenai adat istiadat diraja Pahang sehingga kini, namun belum pernah diteliti secara mendalam sehinggalah kajian ini dilakukan. Lebih menarik lagi, naskah ini memperkaya korpus mengenai historiografi Kesultanan Pahang dari perspektif *Fiqh Al-Watan* iaitu tatacara kehidupan bertanah air Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bertunjangkan tiga dimensi utama iaitu *Al-Sultah* (Raja Pemerintah), *Al-Adah* (Adat Resam) dan *Al-Biah* (Alam Sekitar) sebagaimana titah Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Raja Pemerintah Pahang Ke-34 (Jabatan Mufti Negeri Pahang, 2025:7).

Sorotan Kajian

Secara umumnya di Malaysia, 'adat' menerima pengiktirafan konstitusional sebagai salah satu sumber undang-undang sebagaimana takrif di bawah Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa "undang-undang ermasuklah undang-undang bertulis, *common law* setakat yang berkuat kuasa di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuat kuasa undang-undang di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya." Dari segi bidang kuasa pentadbirannya pula, istilah adat itu dikhususkan pula sebagai 'adat Melayu' di bawah butiran 1, Senarai II – Senarai Negeri oleh Perlembagaan Persekutuan, sekali gus menjadikannya sebahagian daripada mandat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja di sembilan buah negeri beraja iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Dalam kejelasan konstitusionalnya itu, terdapat pula apa yang dikatakan sebagai 'kecelaruan' dalam memahami adat dalam pengertiannya yang sebenar kerana sarjana tamadun Melayu secara amnya menyepakati bahawa terdapat empat kategori adat iaitu 'Adat yang Sebenar Adat' iaitu hukum alam, 'Adat yang Diadatkan' iaitu adat ciptaan Datuk Ketumanggungungan dan Datuk Perpatih nan Sebatang, 'Adat yang Teradat' iaitu adat setempat dan 'Adat Istiadat' iaitu tatatertib pada zaman raja-raja (Amri Marzali, 2020:10). Memandangkan naskah ini bertalian langsung dengan persoalan Adat Istiadat Kesultanan Pahang, maka pentinglah pula untuk dilihat bagaimana adat istiadat itu diposisikan dalam konteks konstitusional tempatan berpandukan Bahagian I, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang.

Dalam hubungan ini, terdapat dua peruntukan utama yang saling berkait rapat iaitu Perkara 2 dan Perkara 24A (1) dan Perkara 24A (2). Di bawah Perkara 2, Kebawah Duli Paduka Sultan Pahang selaku "Raja Pemerintah ialah punca Keadilan dan bagi segala kuasa Kerajaan dalam Negeri dan segala Jajahan takluknya dan, dengan sebab itu, adalah Mercu bagi bagi semua gelaran, pangkat-pangkat kemuliaan, pangkat-pangkat kebesaran dan kurniaan-kurniaan dalam Negeri dan Kerajaan." Peruntukan ini hendaklah dihubungkan pula dengan Perkara 24A (1) di mana "Raja Pemerintah hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Adat Istiadat, dan hanya Majlis ini sahaja yang berhak membantu dan menasihati Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai adat istiadat dalam Negeri ini" dan Perkara 24A (2) yang memperuntukkan bahawa "Majlis Adat Istiadat ini hendaklah terdiri daripada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua dan tidak kurang daripada lima ahli lain, yang semuanya hendaklah dilantik oleh Raja Pemerintah." Membahaskan soal penentuan, pengubahsuaian atau pindaan adat istiadat Kesultanan Pahang pada zaman sebelum kemerdekaan tanah air, Mahmud Mat (2017:171) memperihalkan bagaimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdullah Al-Mu'tasim Billah Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-31 (1917-1932) telah memperkenalkan beberapa pembaharuan terhadap adat istiadat dan aturan gelaran diraja atas budi bicara Baginda sendiri dengan persertaan Majlis Mesyuarat Negeri dan antara perubahan terbesar yang dibuat ialah pengwujudan gelaran Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dari titisan zuriatnya sendiri sebagai Waris Ganti atau bakal Raja Pemerintah yang sebelumnya dihaskan kepada penyandang gelaran Yang Teramat Mulia Tengku Besar Pahang iaitu dari kalangan adinda tertua kepada Raja Pemerintah. Hal ini membuktikan bahawa adat istiadat yang berkaitan dengan kebesaran dan kemuliaan Raja Pemerintah itu tidaklah bersifat statik, sebaliknya dinamik atas budi bicara dan limpah perkenan Baginda sendiri (Nur Ezan Rahmat et al, 2021).

Walaupun demikian, terdapat juga pandangan alternatif bahawa kuasa budi bicara Raja Pemerintah berkenaan tidaklah bersifat mutlak dan masih tertakluk kepada batas-batas perlembagaan dan undang-undang (Nurdeana Fatimah Abdul Najib & Muhamad Nadzri Mohamed Noor, 2022:5). Namun, sebagaimana pemerhatian Shad Saleem Faruqi (2025), kemerosotan dominasi politik kepartian pasca Pilihan Raya Umum Ke-12 pada tahun 2008 sehinggalah Pilihan Raya Umum Ke-15 pada tahun 2022 merupakan faktor kritikal yang melorongkan kebangkitan semula pengaruh monarki di Malaysia, sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri. Bagi negeri Pahang khususnya, dinamika kuasa Raja Pemerintah berkenaan hal ehwal adat istiadat dan urusan agama Islam adalah lebih ketara memandangkan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sendiri mempengerusikan Jumaah Pangkuan Diraja Negeri yang diwujudkan di bawah Perkara 25, Bahagian I, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang manakala Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang pula mempengerusikan Majlis Ugama Islam dan Resam Melayu Pahang (MUIP) menurut Perkara 24, Bahagian Pertama, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang iaitu dua institusi utama yang bertanggungjawab langsung terhadap aturan adat istiadat negeri ini (Muhammad Ikhlas Rosele et al, 2018:63).

Metodologi Kajian

Sebagai sebuah kajian bersifat kualitatif, penelitian terhadap naskah P.A.P. 100006732 menggunakan reka bentuk interpretif dengan merujuk naskah berkenaan sebagai dokumen induk bagi tujuan pengumpulan data yang disemak silang pula dengan sumber-sumber primer dan sekunder sedia ada berkaitan adat istiadat serta historiografi Kesultanan Pahang supaya dapat ditahkik secara tuntas (Sabo Jamilu Sa'idu & Shahir Akram Hassan, 2023:112). Dalam hubungan tersebut teknik analisis wacana kritis Fairclough yang menelaah tiga konteks utama iaitu teks, praktik diskursif dan amalan sosial dilihat memenuhi keperluan kajian naskah ini dari sudut pemeringkatan pemahamannya iaitu deskripsi, interpretasi dan penjelasan (Hajar Mohamad Alasiri, 2023:3). Melalui aplikasi teknik ini, maka kandungan naskah P.A.P. 100006732 dapat didalami serta dihargai dari perspektif tekstual yang menggambarkan kepentingannya terhadap persuratan diraja, perspektif praktik diskursif yang menyorot asas linguistik dalam pembentukan tindakan dan konstruk kompleks dalam realiti sosial dan perspektif amalan sosial yang menerangkan aplikasi kandungannya dalam lingkungan Kesultanan Pahang. Justeru, reka bentuk kajian berdasarkan teknik analisis wacana kritis Fairclough sebagaimana yang dijelaskan di atas telah dapat diupayakan dalam menampilkan naskah P.A.P. 100006732 bukan sahaja sebagai satu dokumen adat diraja, tetapi juga perkaitannya dengan dimensi *Al-Adah* dalam inisiatif *Fiqh Al-Watan* Negeri Pahang Darul Makmur pada hari ini, iaitu penghubungan teknik berkenaan sebagai satu model pemikiran dengan realiti kontemporari (Gölbasi, 2017:8). Demi memastikan kejelasan aras aplikasi dan pematuhan serta latar belakang historiografi naskah kajian, maka fakta-fakta berkaitan turut diperolehi menerusi wawancara dengan Yang Di Hormat Orang Kaya Indera Pahlawan, Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Wan Hassan atas kapasiti beliau sebagai Orang Besar Berempat Pahang yang terkanan Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) selama 19 tahun sehingga 2020.

Dapatan Kajian

Kewajaran Naskah Dari Perspektif Konstitusional

Dalam tempoh 54 tahun setelah naskah P.A.P. 100006732 dihasilkan dan diterbitkan, amalan adat istiadat diraja yang terkandung di dalamnya merentasi tiga zaman Raja Pemerintah iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (naik takhta pada 22 Jun 1932, mangkat pada 5 Mei 1974), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (naik takhta pada 7 Mei 1974, turun takhta pada 11 Januari 2019) dan Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (sedang bertakhta sejak 11 Januari 2019). Walaupun diniatkan sebagai satu rujukan utama persuratan rasmi Kesultanan Pahang dalam konteks peraturan adat istiadat diraja, namun tempoh 54 tahun berkenaan menyaksikan tiga kaedah pengamalannya. Pertama, pengamalan mutlak sebagaimana pada empat tahun terakhir zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dan 13 tahun pertama zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Kedua, pengamalan secara selektif yang berlaku dalam tempoh 32 tahun terakhir pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, dan ketiga, pengubahsuaian beberapa amalannya apabila Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mula bertakhta.

Wujudnya tiga kaedah yang tersebut di atas dapat difahami berdasarkan dua faktor utama. Pertamanya ialah soal budi bicara mutlak, limpah perkenan dan wewenang penuh Raja Pemerintah dalam konteks pengalaman kandungan naskah ini bersandarkan kuasa-kuasa baginda yang diperuntukkan oleh Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang. Perkara 2, Bab I, Bahagian I, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang memperuntukkan bahawa:

“Raja Pemerintah ialah punca Keadilan dan bagi segala kuasa Kerajaan dalam Negeri dan di segala Jajahan takluknya, dan, dengan sebab itu, adalah mercu bagi segala gelaran-gelaran, pangkat-pangkat kemuliaan, pangkat-pangkat kebesaran dan kurniaan-kurniaan dalam Negeri dan Kerajaannya.”

Berasaskan kepada keluasan kuasa Perkara 2 di atas, maka sesiapa jua Raja Pemerintah berhak untuk menentukan peraturan-peraturan adat istiadat menurut amalan, cara dan kaedah yang diperkenankan baginda, sekali gus membuktikan keunikan posisi kuasa konstitusional Raja Pemerintah yang tidaklah mutlak dibatasi oleh Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang sebagaimana sistem raja berperlembagaan ala Westminster, malah boleh pula bertindak mengikut budi bicara sebagai Ketua Agama Negeri menurut Perkara 24 (1) dan penguasa adat istiadat negeri berdasarkan peruntukan Perkara 24A (1), Bab IV, Bahagian I:

“Raja Pemerintah hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Adat Istiadat, dan hanya Majlis ini sahaja yang berhak membantu dan menasihati Raja Pemerintah dalam semua perkara mengenai adat istiadat dalam negeri ini.”

Perkara-perkara yang dinyatakan dalam di atas istimewa sekali kerana Bab IV, Bahagian I, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang khusus memperuntukkan Islam sebagai Agama Negeri serta peranan Raja Pemerintah terhadap pemartabatannya, dan wujud pula peruntukan mengenai adat istiadat dalam Bab IV ini merupakan pemaknaan konstitusional berhubung ungkapan *adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah*, satu ciri korelasi antara naskah P.A.P. 100006732 dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang. Hal ini seterusnya diperkukuhkan dan disahkan lagi melalui Perkara 28, Bab VI, Bahagian I, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang yang memperuntukkan bahawa:

“Raja Pemerintah ialah punca bagi segala pangkat-pangkat kebesaran dan pangkat-pangkat kemuliaan di dalam Negeri dan baginda sahajalah seorang yang boleh mengurniakan gelaran-gelaran dan pangkat-pangkat kemuliaan dan mengadakan pangkat-pangkat kebesaran atau kurniaan.”

Kewajaran Naskhah Dari Perspektif Prerogatif Raja Pemerintah

Realiti konstitusional di atas menjadi katalis kepada faktor kedua berhubung sebab musabab tiga kaedah pengamalan naskhah kajian iaitu kesedaran tentang dinamik kuasa Raja Pemerintah untuk mengekal, menambah, meminda, mengubahsuai atau memansuh mana-mana amalan peraturan adat istiadat diraja yang sedia ada. Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara Tengku Ibrahim selaku Ketua Adat Istiadat Negeri Pahang dalam kata alu-aluannya pada permulaan naskhah P.A.P. 100006732 secara jelas mengakui sifat Peraturan Adat Istiadat Raja-Raja Pahang adalah semata-mata satu pedoman amalan yang terbuka untuk diperkembang dan ditambah baik lagi, satu isyarat bahawa peraturan termaksud tidaklah jumud atau kaku, malah boleh disesuaikan dengan perubahan zaman serta kearifan, kebijaksanaan dan limpah perkenan Raja Pemerintah:

“Saya berpendapat bahawa sebuah buku seperti ini amatlah baik diadakan dan dicetak bagi menjadi panduan dan pedoman untuk masa hadapan supaya tidak hilang dan luput daripada ingatan dan amalan kerana Adat Istiadat Raja-Raja itu adalah menjadi satu cabang Kebudayaan Bangsa dan mencerminkan keperibadian Kebangsaan bagi Bangsa Melayu yang menurut tradisinya beradat istiadat turun temurun, mempunyai raja dan berpegang teguh kepada adat, seperti kata perperintah Melayu, “Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah, biar mati anak jangan mati adat. Saya bersetuju dengan pendapat penyusun-penyusun buku ini bahawa mungkin terdapat beberapa kekurangan dalam kandungan yang dicatitkan, tetapi bagi meminda, membaiki dan memperelokkan lagi boleh dilakukan dari suatu masa kepada suatu masa dan apa yang terkandung di dalam buku ini bolehlah dibuat sebagai tapak dan asas kepada cara memperkembangkan lagi peraturan-peraturan adat istiadat itu.”

Keterbukaan Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara dalam mengakui dinamika kuasa Raja Pemerintah dalam konteks pindaan, pembaikan dan pengelohan susunan peraturan adat istiadat diraja tersebut mumbuktikan bahawa naskhah P.A.P. 100006732 bukanlah satu undang-undang yang mengikat secara mutlak, sebaliknya lebih bersifat satu garis panduan kontemporari demi memastikan Kesultanan Pahang mengekalkan ciri keislaman dan identiti kemelayuan bersandarkan tradisi persejarahannya. Maka itulah bahagian yang menyusuli kata alu-aluan Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara tersebut dimulai dengan pentakrifan adat istiadat secara khusus untuk kegunaan dalam negeri Pahang seperti berikut:

“Adat istiadat Negeri Pahang ini adalah hak dan kepunyaan raja, dan raja berkuasa menitahkan sama ada adat istiadat itu hendak dipakai dan dijalankan dengan penuhnya atau tidak pada mana-mana majlis istiadat yang diadakan untuk menzahirkan kebesaran dan kemuliaan raja. Adat istiadat dijaga dan dikawal kesempurnaannya oleh Bendahara yang diketahui daripada sejak dahulu menjadi ketua adat istiadat dan jua ketua kepada orang besar yang dikurniakan gelaran oleh raja menurut adat istiadat.”

Dengan dinamik kuasa Raja Pemerintah sebagai penguasa adat dan Tengku Arif Bendahara sebagai penjaganya, maka Peraturan Adat Istiadat Raja-Raja Pahang sepertimana naskhah kajian ini mencakupi 17 aspek berikut:

- a) Pertabalan diraja;
- b) Istiadat Hari Keputeraan;
- c) Istiadat Meletak Kerja Diraja;
- d) Istiadat Perkahwinan Diraja;
- e) Istiadat Bersiram Di Atas Panca Persada;
- f) Istiadat Bersalin;
- g) Istiadat Berendam Suri;
- h) Alat-alat Kebesaran Diraja;
- i) Tanjak dan Cara-cara Memakainya;
- j) Pakaian Dalam Majlis Istiadat;
- k) Istiadat Keberangkatan Raja Keluar Negeri/Balik;
- l) Istiadat Hari Raja Mangkat dan Berkabung;
- m) Gelaran-gelaran Kerabat dan Orang Besar-Besar;
- n) Istiadat Menjunjung Duli;
- o) Berbagai-bagai Mengenai Adat Istiadat;
- p) Perkataan-perkataan Diraja; dan
- q) Peraturan Adat Mengangkat Sembah.

Kewajaran Naskhah Dari Perspektif Adat Istiadat Diraja

Meneliti semua 17 aspek adat istiadat diraja yang didokumentasikan dalam naskhah P.A.P. 100006732, pemerhatian utama yang dapat diikhtisarkan ialah sebahagian kandungannya masih lagi diamalkan oleh Kesultanan Pahang yang dinaungi kini oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-34 manakala sebahagian yang lain tidak lagi diikuti. Ini memerlukan penelitian lanjut setiap aspek berkenaan secara satu persatu berdasarkan amalan semasa sejak Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menaiki takhta pada 11 Januari 2019. Walaubagaimanapun bagi maksud kertas ini, penulis hanya akan menyenaraikan tujuh aspek perbezaan amalan antara saranan P.A.P. 100006732 dengan amalan semasa Kesultanan Pahang.

Memandangkan Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah belum lagi ditabalkan sebagai Raja Pemerintah Pahang Ke-34 sejak pemasyhuran baginda pada 11 Januari 2019, maka rujukan

terdekat mengenai istiadat pertabalan diraja yang diperihalkan muka surat 10 hingga 12 naskhah P.A.P. 100006732 ialah Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 8 Mei 1975 di Istana Abu Bakar, Pekan Bandar Diraja. Susunan atur cara istiadat berkenaan sebagaimana yang diperihalkan dalam buku programnya mengikuti sepenuhnya saranan P.A.P. 100006732 iaitu selepas mustaid 100 hari berkabung atas kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dengan iringan 12 alat kebesaran diraja iaitu Cogan, dua bilah Pedang Bentara, dua bilah Pedang Kerajaan, dua bilah Keris Panjang, Puan, Ketur, Ternang, Pembaran, dua bilah Lembang Panjang, 16 batang tombak, 16 kaki Payung Ubor-ubor dan Payung Tubuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Bagi istiadat hari keputeraan pula, telah berlaku perubahan adat istiadat pada zaman pemerintahan Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berbanding anjuran P.A.P. 100006732 mulai muka surat 13 hingga 16 di mana komponen pertamanya iaitu pemeriksaan kawalan kehormatan anggota badan-badan beruniform yang terdiri daripada Rejimen Askar Melayu Diraja, Polis Diraja Malaysia, Rejimen Askar Wataniah, Persekutuan Pengakap Malaysia. Persatuan Pandu Puteri Malaysia, St. John Ambulance of Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia tidak lagi diamalkan, sebaliknya tertumpu kepada istiadat di Balairung Seri (kini dijalankan di Balai Mahkota, Istana Abdulaziz, Kuantan sementara kompleks Istana Abu Bakar di Pekan Bandar Diraja sedang menjalani renovasi) iaitu komponen keduanya dengan pengisian persembahan ucapan taat setia, Titah Diraja serta pengurniaan gelaran dan darjah kebesaran. Seterusnya bagi aspek pakaian dalam majlis istiadat pula, aturan yang ditetapkan pada muka surat 30 naskhah P.A.P. 100006732 di mana diperuntukkan warna-warna khusus bagi kerabat-kerabat diraja berikut iaitu pakaian sedondon berwarna hitam bagi Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara, pakaian sedondon berwarna ungu manis bagi Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggong dan pakaian sedondon berwarna merah bagi Yang Amat Mulia Tengku Panglima Perang dan Yang Amat Mulia Tengku Panglima Besar. Berdasarkan amalan semasa Kesultanan Pahang kini, amalan tersebut tidak lagi diikuti atas budi bicara dan limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dengan memberi kelonggaran warna-warna pakaian dalam majlis istiadat bagi kerabat-kerabat yang disebutkan tadi, tetapi masih mengekalkan kekhususan warna kuning dan putih sedondon kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang.

Aspek berikutnya ialah istiadat keberangkatan raja keluar negeri/balik telah ditetapkan aturannya pada muka surat 32 naskhah P.A.P. 100006732 yang menghendaki supaya azan dilaungkan sebelum Raja Pemerintah berangkat menaiki kenderaan yang dikhaskan dan apabila keberangkatan pulang baginda pula, hendaklah disambut dengan taburan beras kunyit berserta ambur-ambur emas dan perak oleh kerabat yang bertaraf ayahanda atau kekanda kepada baginda. Sesuai dengan kemudahan pengangkutan, kerumitan syarat adatnya dan peredaran masa, maka pelaksanaan istiadat memuliakan keberangkatan pergi dan balik pada zaman pemerintahan Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kini telah diringkaskan dengan persembahan bacaan doa sama ada oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri, Sahibus Saadah Timbalan Mufti Negeri atau Sahibul Fadilah Kadi Daerah.

Bagi gelaran-gelaran kerabat yang disenaraikan pada muka surat 36 naskhah P.A.P. 100006732, gelaran bagi kerabat-kerabat diraja kanan berserta isteri mereka ketika itu ialah Yang Amat Mulia Tengku Puan Bendahara dan Tengku Puan Muda, Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggong dan Tengku Puan Kecil, Yang Amat Mulia Tengku Besar dan Tengku Puan Bongsu Yang Di Mulia Tengku Panglima Besar dan Tengku Puan Panglima Besar serta Yang Di Mulia Engku Muda. Dalam amalan semasa Kesultanan Pahang hari ini, walaupun gelaran-gelaran diraja Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara, Yang Amat Mulia Tengku Tengku Arif Temenggong dan Yang Amat Mulia Tengku Panglima Besar masih wujud, namun gelaran khusus bagi isteri-isteri kerabat ini adalah berdasarkan limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, sebagai contohnya, isteri kepada Yang Amat Mulia Tengku Panglima Raja digelar Yang Hormat Mulia Che Puan Panglima manakala isteri kepada Yang Amat Mulia Tengku Besar pula digelar Yang Dihormati Che Puan Tengah. Perkembangan ini adalah berkait rapat dengan dinamik kuasa dan wewenang konstitusional Raja Pemerintah di bawah Perkara 28, Bab VI, Bahagian I, Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang berkenaan peranan baginda sebagai punca segala gelaran kemuliaan dan pangkat kebesaran. APTas kuat kuasa peruntukan itulah maka gelaran Yang Di Mulia Engku Muda tidak lagi digunakan oleh Kesultanan Pahang pada hari ini.

Aturan penggunaan payung adat istiadat bagi kerabat diraja seperti pada muka surat 40 naskhah P.A.P. 100006732 yang menetapkan payung putih dan kuning untuk Raja Pemerintah dan kerabat-kerabat, payung putih dan hitam untuk Orang Besar-besar, payung putih dan hitam untuk Bendahara serta payung putih dan ungu manis untuk Temenggong juga telag mengalami perubahan amalan oleh Kesultanan Pahang kini. Menurut amalan semasa, payung tubuh diraja hanya dikhususkan kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang. Aspek terakhir dalam naskhah P.A.P. 100006732 yang telah mengalami perubahan besar amalannya dalam Kesultanan Pahang kini ialah peraturan adat mengangkat sembah seperti catatan pada muka surat 43 dan 44. Unik sekali bahawa naskhah P.A.P. 100006732 tidak hanya menghadkan peraturan mengangkat sembah kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, tetapi turut memberikan hak kepada Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara dan Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggong untuk menerima sembah. Amalan ini tidak lagi diikuti oleh Kesultanan Pahang kini di mana sembah hanya boleh dihalakan kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang.

Diskusi

Perkaitan Naskhah dengan Prinsip *Fiqh Al-Watan* Negeri Pahang

Kewujudan naskhah ini hanya diketahui penulis secara lisan hasil perbualan dengan Encik Syarafuddin bin Alwi, seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang ketika itu berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Bentong, Pahang semasa satu acara di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada 30 Ogos 2022. Menariknya, beliau merupakan cucunda kepada Datuk Panglima Dalam Abu Bakar Mohd Taib iaitu salah seorang penyusunnya. Carian lanjut mendapati bahawa naskhah asal tersebut telah menjalani proses digitalisasi oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PAP) serta dikodkan sebagai P.A.P. 100006732 untuk akses awam secara elektronik. Naskhah P.A.P. 100006732 ini dikarang dalam Bahasa Melayu yang mengandungi 100 muka surat dengan versi tulisan Jawi dan tulisan Rumi yang disekalikan dengan penomboran muka suratnya iaitu masing-masing bermula muka surat 3 hingga 47. Kajian lanjut penulis mendapati bahawa naskhah ini belum pernah dikaji dan diteliti secara ilmiah, justeru diskusi mengenainya di sini amat penting dalam konteks pemahaman, pengayaan dan pengembangan rujukan sumber-sumber berkaitan *Fiqh Al-Watan* Negeri Pahang yang telah ditakrifkan oleh Amran Muhammad (2025:85) sebagai:

“Kaedah atau tatacara menjalani kehidupan bertanah air bersumberkan kepada elemen-elemen watan dengan menggabungkan tatacara kehidupan individu sebagai hamba Allah dan tatacara kehidupan dalam masyarakat sebagai wakil Allah dalam konteks hubungan antara Tuhan, Insan dan Alam bagi melahirkan dan memelihara kedaulatan, kerukunan dan kelestarian watan.”

Elemen insan dalam definisi *Fiqh Al-Watan* di atas turut merangkumi aspek adat sama ada berbentuk adat resam atau adat istiadat yang sangat penting untuk memelihara kedaulatan Raja Pemerintah dan kesejahteraan alam pemerintahannya. Berbanding dengan apa yang diketahui umum sebagai Adat Perpatih dan Adat Temenggong selama ini, naskhah P.A.P. 100006732 telah menyerlahkan kelainan amalan Kesultanan Pahang yang berpegang kepada Adat Bendahara. Ketiga-tiga penyusun naskhah ini iaitu Haji Mohd Mokhtar bin Haji Mohd Daud selaku Pengerusi, Datuk Panglima Dalam Abu Bakar Mohd Taib (Ahli) dan Haji Mohd Ali bin Mohd (Setiausaha) telah mentakrifkan Adat Bendahara itu seperti berikut:

“Adat Istiadat Di Raja Pahang yang dipakai ialah Adat Bendahara, iaitu bermula dari tahun masehi 1885 dalam masa pemerintahan Sri Paduka Baginda Al Marhum Sultan Ahmad.”

Keterkaitan Adat Bendahara dengan naskhah P.A.P. 100006732 mempunyai sejarah tersendiri yang perlu ditelaah dari dua penjur. Pertama, walaupun Pahang telah berdiri sebagai sebuah Kesultanan sejak tahun 1475, namun pelbagai pergolakan dan peristiwa yang terjadi selepas kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Ghaffar Muhyiddin Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-14 pada tahun 1614 telah menjadikan negeri ini sebagai sebuah politi naungan kepada Kesultanan Aceh dan Kesultanan Johor-Riau-Pahang-Lingga sebelum menjadi wilayah kurniaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Ri'ayat Shah III zil Allah fi'l-'Alam, Raja Pemerintah Pahang Ke-25 kepada Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Majid sebagai pegangan turun-temurunnya mulai tahun 1770 bagi meredakan konflik berpanjangan antara para pembesar Melayu dan Bugis di Riau (Linehan, 1936: 45; Buyong Adil, 1971: 87; Suzana Othman, 2014: 185). Alhasil, Bendahara Siwa Raja Tun Ali iaitu cucunda kepada Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Majid seterusnya menjadi Raja Pemerintah Pahang Ke-27 sehingga tahun 1857 sebelum tercetusnya perang saudara antara Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, Raja Pemerintah Pahang Ke-28 dengan adindanya Wan Ahmad, yang berakhir dengan kemenangan Wan Ahmad pada 10 Januari 1863 dan dimasyhurkan sebagai Bendahara Siwa Raja Wan Ahmad, Raja Pemerintah Pahang Ke-29 serta seterusnya mengambil gelaran Sultan pada 6 Ogos 1882 dan ditabalkan menjadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah pada 12 Disember 1884. Justeru, Adat Bendahara yang terpakai di Pahang menurut naskhah P.A.P. 100006732 bertitik tolak dari peristiwa bersejarah tersebut yang kemudiannya diwarisi oleh keturunan baginda iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud, Raja Pemerintah Pahang Ke-30; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah, Raja Pemerintah Pahang Ke-31; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-32; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Raja Pemerintah Pahang Ke-33 dan kini, Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-34.

Kearifan Diraja Dalam Penyusunan Naskhah

Setelah memahami kepentingan aspek keturunan Bendahara yang mendasari amalan adat istiadat diraja dalam naskhah P.A.P. 100006732 tersebut, maka turut relevan untuk diperihalkan penjur kedua keterkaitannya iaitu kearifan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-32 kerana naskhah ini ditulis dan diterbitkan asbab limpah perkenan dan peranan langsung baginda. Latar belakang perkara ini telah diperihalkan oleh para penyusun P.A.P. 100006732 secara terperinci:

“Dengan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Yang Dipertuan Negeri Pahang yang dijunjungkan oleh Pengelola Hal Ehwal Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dalam suratnya bilangan (2) dalam S.P. 39/70, bertarikh 13 haribulan Julai 1970. Maka satu kumpulan tiga orang yang bertandatangan dibawah ini telah menjalankan tugas mengumpul, menyusun, dan mencatatkan serta menimbulkan beberapa perkara yang ada sangkutan dengan segala Adat Istiadat dalam serba upacara resmi diraja yang terkanun menurut adat istiadat raja-raja Negeri Pahang. Memandang kepada penting dan mustahak adat istiadat Raja-raja Negeri Pahang itu dicatat dan dibukukan untuk panduan masa depan dan untuk pengetahuan ahli-ahli sejarah dan kebudayaan serta mengekalkan satu cabang kebudayaan dalam kehidupan

bangsa Melayu yang turun temurun berpegang teguh kepada adat istiadat, maka kumpulan yang yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia ini telah mencuba dengan segala kebolehan dan kemampuan yang ada padanya menyusun peraturan adat istiadat ini dengan berpandukan pengalama-pengalaman dan sumber-sumber yang mengetahui adat istiadat diraja yang diamalkan dalam negeri ini pada masa-masa yang lalu, sekali pun dalam menjalankan tugas-tugas yang amat berat ini, kumpulan ini sedar akan kekurangan-kekurangan dan kelemahan dan tidak keahlian didalam hal-hal ini...Buku ini disusun dengan kajian dan selidikan tetapi dipercayakan masih banyak terdapat kekurangan yang diharapkan dapat dipertokok tambahkan oleh orang-orang yang lebih mengetahuinya pada masa depan, kumpulan ini hanya dapat menyumbangkan atas kadarnya semata-mata dengan rasa dan dorongan mempersembahkan khidmat dan bakti kepada singgahsana Negeri Pahang ini dalam zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, zaman yang penuh dengan berbagai perubahan dan kemajuan yang dialami di negeri ini dengan berkat daulat baginda.”

Kenyataan terperinci daripada ketiga-tiga penyusun naskhah P.A.P. 100006732 amat kritikal untuk diteliti secara mendalam kerana terkandung di dalamnya punca kuasa, terma rujukan, impak dokumentasi dan potensi pengembangan penyelidikan yang telah dijalankan mereka. Dari segi punca kuasanya, ternyata bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ro'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-32 amat arif dengan wewenang konstitusional yang diperuntukkan ke atas baginda melalui Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang dalam menitahkan penyusunan naskhah P.A.P. 100006732 kerana undang-undang tubuh itu telah dimasyhurkan sendiri oleh baginda pada 1 Februari 1948 dan seterusnya diperbaharui pula pada 26 Februari 1959. Walaupun surat titah untuk menyusun naskhah ini hanya dikeluarkan selepas 38 tahun baginda bertakhta, namun apa yang diperintahkan itu amat penting kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah merupakan cucunda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-29. Hakikat bahawa tarikh baginda diputerakan pada 29 Mei 1904 iaitu semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah masih bertakhta dan kemudian mengalami sendiri proses pengubahsuaian adat istiadat diraja Pahang yang meliputi aturan Waris Ganti kepada Raja Pemerintah pada tahun 1929 (Mahmud Mat, 2017:171; Wan Helmy Zain & Nizamuddin Alias, 2023:16).

Dari segi terma rujukan pula, sekali lagi kearifan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah terserlah dengan menitahkan pengumpulan, pemyusunan, pendokumentasian dan penganalisaan kritis terhadap isu-isu yang ditemui oleh ketiga-tiga penyelidik lantikan baginda tersebut. Hal ini memperlihatkan bahawa P.A.P. 100006732 dihasratkan sebagai suatu dokumen komprehensif yang diselidik, ditelaah dan diteliti berdasarkan disiplin kajian adat istiadat di sebalik segala cabaran dan kekurangan memandangkan inilah pertama kalinya peraturan adat istiadat diraja Pahang dibukukan. Walaupun kumpulan penyelidik yang dititahkan itu bukanlah terdiri dari kalangan ahli akademik profesional, namun keupayaan mereka untuk menyenaraikan sebanyak mungkin adat istiadat diraja itu menepati kaedah analisis kandungan, kepustakaan dan wawancara yang dilazimi oleh para pengakaji adat (Mohd Syam Halipa, 2022:9; Muhamad Adha Abd Jalil et al, 2023:239), sekali gus membuktikan kesungguhan mereka untuk memenuhi terma rujukan yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah tersebut dengan penuh disiplin.

Impak dan Potensi Pengembangan Naskhah

Dalam membahaskan impak dokumentasi naskhah P.A.P. 100006732 pula, penegasan yang dibuat oleh kumpulan penyelidik di atas menampakkan kesedaran tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah mengenai keterkaitan langsung dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1971 sebagai pelengkap kepada Dasar Ekonomi Baru demi mengembalikan keharmonian dalam negara pasca tragedi rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 (Hirdawati Abdul Rahman, 2017:11; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, 2021:3) di mana penekanan khusus diberikan terhadap warisan kebudayaan Melayu, Bahasa Melayu dan agama Islam sebagai asas Kebudayaan Kebangsaan Malaysia tanpa mengesampingkan unsur-unsur kebudayaan masyarakat majmuk Malaysia. Justeru, P.A.P. 100006732 merupakan dokumen istimewa yang lahir atas daya usaha Raja Pemerintah Pahang Ke-32 dengan mengambil kira keselarasan penerbitannya dengan dasar semasa Kerajaan Persekutuan ketika itu sekali gus memperkaya korpus Kebudayaan Kebangsaan Malaysia dari perspektif adat istiadat diraja Pahang.

Potensi pengembangan kandungan naskhah P.A.P. 100006732 juga menonjolkan jiwa besar kumpulan penyelidiknya, dan paling utama keterbukaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah supaya edisi sulung yang diusahakan itu dapat terus diperkayakan kandungannya dari semasa ke semasa bagi manfaat rujukan generasi masa hadapan. Mana mungkin peraturan adat istiadat diraja Pahang yang sebelum itu hanya diperturunkan secara lisan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan para kerabat diraja dan pembesar istana dapat dipelihara ketulenannya tanpa didokumentasikan secara bertulis. Maka naskhah P.A.P. 100006732 merupakan satu langkah berani Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah untuk mempertahankan kerangka asal Adat Bendahara yang mendasari peraturan adat diraja Pahang daripada pupus begitu sahaja atau dipinda sembrono tanpa memahami akar asalnya. Walaubagaimanapun, naskhah P.A.P. 100006732 ini tidak sesekali menghalang penambahbaikan, pengubahsuaian dan peraturan adat istiadat diraja Pahang dalam edisi-edisi seterusnya kerana memuliakan serta menghormati dinamik kuasa Raja-Raja Pemerintah Pahang yang menyusuli kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah sebagai pelopor pendokumentasiannya. Peri penting pendokumentasian adat istiadat secara berdisiplin, berstruktur dan sistematik dalam

konteks kesinambungan identiti tempatan, pancaran patriotisme dan warisan kebudayaan sebagai tonggak kestabilan nasional telah banyak dibahaskan dalam konteks perlindungan harta intelek (Hassani, 2015:207; WIPO, 2023:3).

Kesimpulan

Bagi merumuskan perbahasan dalam kertas ini, jelaslah bahawa naskhah P.A.P. 100006732 merupakan dokumen yang amat signifikan terhadap persuratan rasmi Kesultanan Pahang sejak zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-32. Walaupun naskhah ini tidak lagi menjadi rujukan utama amalan peraturan adat istiadat diraja Pahang kini, tetapi kepentingannya sebagai dokumen ulung yang menghimpunkan Peraturan Adat Istiadat Raja-Raja Negeri Pahang buat pertama kalinya. Demi memastikan kandungannya terus dapat diperkaya dan disesuaikan dengan kerangka *Fiqh Al-Watan* Negeri Pahang yang diterajui oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Raja Pemerintah Pahang Ke-34, maka peluang dan ruang pengembangannya terbuka luas untuk diteroka sama ada melalui penerbitan edisi baharunya atau satu dokumen lain seumpamanya oleh Majlis Kesultanan Pahang dengan limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sebagai Raja Pemerintah, Ketua Agama Negeri, punca keadilan, punca kemuliaan dan penguasa adat negeri Pahang.

Penghargaan

Setinggi-tinggi ucapan menjunjung kasih disembahkan ke hadapan majlis Yang Amat Mulia Tengku Panglima Raja, Brigedier Jeneral Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas limpah perkenan mengurniakan Geran Agensi RDU230703 yang membolehkan kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Yang Dihormat Orang Kaya Indera Pahlawan, Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Haji Wan Hassan atas bimbingan telaah naskhah P.A.P. 100006732, Encik Mohd Syarafuddin bin Alwi yang memperkenalkan naskhah berkenaan kepada penulis serta Pusat Sains Kemanusiaan UMPSA yang memberikan peluang serta ruang bagi kajian ini dibentangkan semasa Persidangan Antarabangsa Sains Kemanusiaan dan Tamadun Kali Ketiga (i-CONSCIENCE'25) pada 9 hingga 10 September 2025 di Kuantan, Pahang. Ucapan penghargaan juga kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi UMPSA atas bantuan teknikal dan khidmat profesional yang dihulurkan dalam pengurusan geran kajian termaksud sehingga kertas ini dapat dibentangkan bersama-sama buku *Pancawarna: Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah* yang merumuskan kepimpinan baginda sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI berasaskan faktor keturunan, keluarga, kedaulatan, kewibawaan militer dan kearifan diplomasi yang dimilikinya.

Konflik Kepentingan

Penulis dan rakan pengkaji tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

Sumbangan Penulis

Artikel ini ditulis oleh Wan Nazrul Helmy bin Wan Mohd Zain, Pensyarah dan Penyelidik Perunding di Fakulti Pengurusan Industri

Sumber Pembiayaan

Artikel ini ditulis menggunakan pembiayaan Geran RDU230703 UMPSA.

Rujukan

- Amran Muhammad (2025). *Fiqh Al-Watan: Tatacara Kehidupan Bertanah Air Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) Ke Arah Kedaulatan, Kerukunan, Kelestarian Negeri Pahang* [Slaid Power Point]. Institut Islam Darul Makmur.
- Amri Marzali (2020). Kategori Adat Dalam Budaya Melayu Nusantara. *Jurnal Pengajian Melayu*, 23(1), 1-25.
- Buyong Adil (1972). *Sejarah Pahang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gölbasi, S. (2017). Critical Approach in Social Research: Fairclough's Critical Discourse Analysis. *The Online Journal of Communication and Media*, 3(4), 5-18.
- Hirdawati Abdul Rahman (2017). *Perkembangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971-1990: Pelaksanaan dan Cabaran*. (Manuskrip Belum Diterbitkan) [Disertasi Ijazah Sarjana], Universiti Sains Malaysia.
- Hajar Mohammad Alasiri (2024). *Fairclough's Three-Dimensional Model: A Critical Discourse Analysis of Denzel Washington's Inspiring Commencement* [Manuskrip Belum Diterbitkan]. ENGL 548: Discourse Analysis, University of Bahrain.
- Hassani, F (2015). Documentation of Cultural Heritage Techniques, Potentials and Constraints. *Proceedings of The 25th CIPA Symposium, XL-5/W7, Taiwan*, 207-214.
- Hayati Adnan et al (2024). Istiadat Pertabalan Diraja Ke Arah Pengukuhan Kedaulatan Institusi Diraja Melayu. *International Journal of Humanities, Technology and Civilization*, 9(2), 116-123.
- Jabatan Mufti Negeri Pahang (2025, September 12). *Fiqh Al-Watan Sebagai Tatacara Kehidupan Bertanah Air Negeri Pahang* [Dokumen PDF]. <https://mufti.pahang.gov.my/images/ekhutbah/jumaat/2025/RUMI/SEPTEMBER/-12.9.2025.pdf>

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (2021). *Dasar Kebudayaan Negara 2021*. <https://www.motac.gov.my/muat-turun/category/123-dasar-kebudayaan-negara-2021>
- Linehan, W. (1973). *A History of Pahang*. The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Mahmud Mat (2017). *The Memoirs of of Dato' Sir Mahmud bin Mat, The First Chief Minister of Pahang*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Kesultanan Pahang. (n.d.). Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang. <https://istanapahang.my/undang-undang-bahagian-pertama/>
- Malaysia. (2020). Perlembagaan Persekutuan. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. <https://lom.agc.gov.my>
- Mohd Syam Halipa (2022). *Sejarah Budaya dan Adat Istiadat Kematian Suku Kaum Bajau di Sandakan, Sabah (1963-2000)* (Manuskrip Belum Diterbitkan) [Disertasi Ijazah Sarjana Muda], Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Mokhtar Mohd Daud et al (1971). *Peraturan Adat Istiadat Raja-Raja Negeri Pahang*. Pejabat Adat Istiadat Pahang.
- Muhamad Adha Abd Jalil et al (2023). Tatacara dan Pengaruh Dalam Istiadat Menjunjung Duli di Negeri Selangor. *Sains Insani*, 8(2), 237-248.
- Muhammad Ikhlas Rosele et al (2018). Peranan Sultan Dalam Perkembangan Islam di Negeri Pahang. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29(1), 51-77.
- Nurdeana Fatihah Fatihah Abdul Najib & Muhamad Nadzri Mohamed Noor (2022). Dari Perak ke Putrajaya: Pengaruh Institusi Beraja Dalam Malaysia Kontemporari. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(5), 1-10.
- Nur Ezan Rahmat et al (2021). Kedaulatan Raja-Raja Melayu Melangkaui Peruntukan Perlembagaan Persekutuan: Implikasinya ke atas Sistem Raja Berperlembagaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(8), 1-14.
- Sabo Jamilu Sa'idu & Shahir Akram Hassan (2023). Analisis Kedudukan Terkini Kaedah Penyelidikan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(2), 108-114.
- Suzana Haji Othman (2014). *Sejarah Pergolakan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Helmy Zain & Nizamuddin Alias (2023). Aturan Penentuan Waris Ganti Raja Pemerintah Dalam Kesultanan Pahang Moden. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 24(2), 108-114. *Proceedings of 22nd Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social, Malaysia*, 11-19.
- WIPO (2023). *Documentation of Traditional Knowledge and Traditional Cultural Expressions (Background Brief No. 9)*. <https://www.wipo.int/edocs/pubdocs/en/wipo-pub-rn2023-5-9-en-documentation-of-traditional-knowledge-and-traditional-cultural-expressions.pdf>